

Teks Ucapan Alu-aluan

**Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah**

Sempena Perasmian Rumah Komuniti Tawau

**2 Disember 2017 | 9:00 Pagi
Tawau, Sabah**

Salutasi

- Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching,
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia
yang juga Ahli Parlimen P.190 Tawau
- Yang Berusaha Prof. Dr. Shahril Yusof,
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan
Inovasi Universiti Malaysia Sabah
- Yang Berusaha Prof. Ir. Dr. Abdul Karim
Mirasa,

Dekan Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah

- Yang Berusaha Prof. Ir. Dr. Mahmood Bin Tahir,
Pengarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Awam,
Universiti Teknologi Malaysia Skudai
- Yang Berusaha En. Rashid Saad,
Pengarah Kolej Komuniti Tawau
- Yang Berusaha En Ragiah A/L Muthusamy,
Pengarah Kolej Vokasional Tawau

- Warga Universiti Malaysia Sabah, Guru-guru penyeliaan dari Kolej Komuniti Tawau dan Kolej Vokasional Tawau
- Sahabat-sahabat media
- Yang diraikan tuan-tuan dan puan-puan, warga Tawau yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini di Jalan Bukit Quion, Tawau bagi menjayakan pelancaran **Majlis Perasmian Rumah Komuniti Parlimen Tawau.**

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching atas sokongan dan peluang yang diberikan kepada UMS dalam memastikan projek rumah komuniti ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Terima kasih juga diucapkan kepada para hadirin yang telah meluangkan masa untuk menghadiri majlis pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

Rumah Komuniti Parlimen Tawau ini telah dibina menggunakan 'Interlocking Brick Construction System' melalui peruntukan geran penyelidikan Translational Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bernilai **RM1 juta** (Ringgit Malaysia 1 Juta). Projek ini merupakan hasil penyelidikan dua buah universiti iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS),

dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang sepertimana kita sedia maklum adalah diinspirasikan oleh ahli parlimen Tawau merangkap Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk dan hadirin sekalian, Rumah Komuniti Parlimen Tawau berkeluasan 650 kaki persegi ini dibina dan dilengkapi dengan ruang tamu, dapur, tiga buah bilik serta kemudahan bilik air.

Pembinaan rumah komuniti pertama ini telah dimulakan pada pertengahan bulan September lalu, dan siap sepenuhnya dengan dilengkapi kemudahan asas seperti air dan elektrik pada awal bulan November. Berbanding dengan sistem pembinaan konvensional, kecepatan pembinaan rumah ini agak mengagumkan kerana menggunakan Sistem Interlocking Brick Construction (IBC) yang mana teknik penyusunannya agak mudah.

Malah, kos pembinaan adalah 20 peratus lebih murah dan dalam masa yang sama, penggunaan tanpa acuan (*formwork*) dan teknik kerja-kerja melepap (*plastering*) memudahkan proses pembinaan rumah komuniti ini.

Pembinaan rumah ini telah mengambil masa selama sebulan setengah untuk disiapkan dan terdapat beberapa cabaran dalam proses pembinaan rumah komuniti yang pertama ini.

Perubahan cuaca dan keadaan hujan semasa pembinaan sememangnya mempengaruhi tempoh pembinaan. Selain itu, pengaruh pengangkutan serta lojistik terutamanya bahan bata IBS dari Kota Kinabalu ke Tawau dan juga faktor kepakaran teknologi mempengaruhi proses pembinaan. Hal ini kerana tenaga buruh dari aspek kemahiran dan praktis masih lagi dalam peringkat pengukuhan.

Namun, segala cabaran dapat diatasi dengan terhasilnya rumah pertama sepertimana yang dapat kita lihat pada hari ini, dan akan ditambah baik lagi pada masa yang akan datang.

Untuk pengetahuan semua, projek ini telah melibatkan *Collegiate* 4 institusi utama iaitu UMS, UTM, Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti Tawau.

Penglibatan Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti Tawau merupakan inisiatif Yang Berhormat Datuk Mary agar pensyarah-pensyarah dan pelatih-pelatih dapat mempelajari kaedah pembinaan IBS sebenar.

Selaras dengan teknologi hijau yang mendukung kelestarian alam sekitar, Fakulti Kejuruteraan UMS turut menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan abu pembakaran kelapa sawit (POFA),

dan habuk kuari sebagai bahan campuran selain dari simen, pasir dan tanah liat pada bata IBS. POFA dan habuk kuari merupakan bahan buangan yang berpotensi tinggi untuk dikitar semula sebagai bahan tambah (*additive*). Inovasi ini akan menumpukan penghasilan batu bata IBS lebih murah di samping mempertingkatkan teknik pembinaan agar lebih efisien.

UMS berpeluang merealisasikan penyelidikan ini melalui kilang mesin pembuatan batu bata yang telah diperuntukkan di bawah "Translational Research Program" yang kini ditempatkan di kampus UMS, Kota Kinabalu. Program sebegini seiring dengan misi UMS dan agenda pembangunan negara. Hal ini kerana, bukan sahaja bidang yang ada nilai pasaran diberi tumpuan,

malah bidang yang kritikal kepada keperluan strategik negara serta bidang yang bersesuaian turut diberi perhatian. UMS berharap agar projek komuniti dapat memberikan impak positif terhadap pembinaan kos rumah yang lebih mampan dan mendorong ekonomi dan kesejahteraan kekeluargaan melalui pembinaan rumah komuniti ini.

Projek ini juga merupakan satu contoh "Translational Research" yang baik yang mana pihak universiti menggunakan kepakaran penyelidikan dan mengaplikasikannya kepada pembinaan rumah untuk rakyat.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

Akhir kata, saya bagi pihak UMS ingin menyampaikan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mary dan Kementerian Pendidikan Tinggi atas peluang yang diberikan dan jemputan ke majlis ini. Saya bagi pihak UMS juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atas pemberian "Translational Research Grant" kepada UMS dan UTM untuk menjalankan penyelidikan,

'Interlocking Brick System', sekali gus membuahkan hasil dalam membantu kesejahteraan masyarakat dan bangsa.

Selain itu, izinkan saya menitipkan penghargaan syabas dan tahniah kepada Prof. Ir. Dr. Abdul Karim Mirasa, Prof. Ir. Dr. Mahmood Tahir dan ahli-ahlinya yang telah bertungkus-lumus mengurus dan mencurahkan tenaga dalam memastikan kelancaran pembinaan rumah komuniti ini.

Tidak lupa juga kepada guru-guru penyeliaan serta pelajar-pelajar dari Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti Tawau yang telah terlibat “membanting tulang” semasa fasa pembinaan rumah.

Terima kasih juga kepada para penduduk kampung serta semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek rumah komuniti yang pertama ini.

Sekian dan terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.